

03/11/2002

Pelawaan masuk BN (HL)

Mutazar Abd Ghani; Maznah Darus

GEORGETOWN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak parti pembangkang yang ikhlas agar menyertai Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi ancaman musuh dari luar dan bergabung tenaga membangunkan negara.

"Kita ada musuh di luar negara, sebab itu kita perlu bersatu untuk menghadapi musuh luar.

Jika parti lawan nak masuk, masuklah (sertai BN), kita boleh sama-sama berjuang untuk membangunkan negara," kata Perdana Menteri selepas merasmikan Konvensyen BN Pulau Pinang di Kompleks Sukan Balik Pulau, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan timbalannya, Datuk Dr Hilmi Yahaya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata demikian dalam ucapan perasmiaannya, yang mempelawa ahli Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyertai komponen BN, khususnya Umno berikutan ketidaktentuan masa depan parti itu.

Beliau berkata: "Saya cuma kata secara umum iaitu BN terbuka kepada semua parti. Kita tidak tamak kuasa, sebab itu kita sanggup berkongsi kuasa dengan semakin banyak parti, termasuk parti yang dahulunya menentang kita, macam Gerakan, Pas...kita sedia berkongsi kuasa.

"Jadi, kalau ada sesiapa ingat nak masuk BN, kalau dia betul-betul ikhlas, kita terimalah...baru-baru ini kita terima Parti Bersatu Sabah (PBS)," katanya.

Ditanya mengenai masa depan Keadilan, beliau berkata: "Saya nampak masa depan keadilan, dia tutup pintu la..."

Terdahulu, dalam ucapatama pada konvensyen itu, Dr Mahathir menasihatkan parti komponen BN supaya tidak 'tamak' kuasa dan hanya memikirkan kepentingan masing-masing parti.

Sebaliknya, kata beliau, setiap parti perlu bertolak ansur dan sedia berkongsi kuasa kerana mereka memerlukan (sokongan) antara satu sama lain pada pilihan raya.

"Jangan tamak, kita ambil sampai 100 peratus kerana pada akhirnya kita dapat kosong (tak dapat apa-apa). Kita perlu amalkan, ambil juring demi sejuring, lama-lama jadi besar juga.

"Jangan fikir untuk (kepentingan) kita saja kerana kemenangan kita (parti komponen BN) pada pilihan raya bergantung kepada sokong menyokong antara parti komponen.

"Walaupun calon kita tidak terpilih untuk sesuatu tempat, kita kena juga sokong calon (BN) yang dipilih. Sebab mungkin calon kita dipilih di tempat dan kita perlu sokongan (komponen lain)," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia adalah antara terbaik dunia dan ini terbukti apabila ia terus mencapai banyak kemajuan sejak merdeka 45 tahun lalu.

Katanya, lebih membanggakan kejayaan itu dicapai dalam suasana negara ini yang mempunyai penduduk pelbagai kaum, agama, keturunan dan budaya.

Beliau berkata, banyak negara yang mengamalkan demokrasi gagal membangunkan negara mereka sepesat Malaysia, walaupun ia mempunyai satu kaum saja.

"Kejayaan ini terutama disumbangkan kebijaksanaan bapa kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang berjaya mencipta formula perkongsian kuasa unik untuk rakyat pelbagai kaum di negara ini, iaitu menerusi

Perikatan (kini BN)," katanya.